

**TEKS UCAPAN  
YBHG. PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS PENYEMATAN PANGKAT DAN PENYERAHA SIJIL  
PELANTIKAN KOMANDAN KOR SUKSIS UTeM OLEH KETUA POLIS  
MELAKA**

**13 November 2019, 4.00 petang  
Dewan Auditorium UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar Hijau Bersih.

- 1. Yang Dihormati Deputy Commissioner Police Dato' Mat Kasim bin Karim**  
Ketua Polis Melaka

**2. Yang Dihormati Assistant Commissioner Police Beh Eng  
Lai**

KJP JKK Melaka

**3. Yang Dihormati Assistant Commissioner Police Prof.  
Madya Dr. Nurul Fajar bin Abdul Manap**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM  
merangkap Komandan Kor SUKSIS UTeM

**4. Yang Dihormati Superintendent Police Chinniah a/  
Vallasamy**

Timbalan KJP JKK Melaka

**5. Yang Dihormati Superintendent Police Datuk Azhar bin  
Mohamed**

Penasihat Undang-Undang Merangkap Timbalan Komandan  
Kor SUKSIS UTeM

Pegawai-Pegawai PDRM dan UTeM, Barisan Anggota Kor SUKSIS UTeM, Hadirin dan Hadirat sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang mengizinkan kita untuk berhimpun pada petang ini dan menyaksikan Majlis Penyematan Pangkat dan Penyerahan Sijil Pelantikan Komandan Kor Suksis UTeM oleh Ketua Polis Melaka.

2. Bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya amat mengalu-alukan kehadiran, Yang Dihormati Senior Assistant Commissioner Dato' Mat Kasim bin Karim, Ketua Polis Melaka dan semua delegasi PDRM ke Kampus Induk UTeM.
3. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa hadir dan menyempurnakan majlis pada petang ini, yang saya kira amat bersejarah kepada kami semua, khususnya kepada Assistant Commissioner Prof. Madya Dr. Nurul Fajar bin Abdul Manap, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM yang telah

dilantik sebagai Komandan Kor SUKSIS UTeM mulai 16 Julai 2019.

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini, mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak PDRM kerana memberi kepercayaan yang tinggi dan kerjasama yang amat baik kepada UTeM, khususnya dalam pengoperasian dan pengurusan Kor SUKSIS UTeM sejak dari awal penubuhan sehinggalah ke hari ini, dan hari-hari mendatang.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

5. Kor SUKSIS UTeM telah ditubuhkan dengan rasminya pada 21 Julai 2006. Badan beruniform yang pertama di UTeM ini, ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab mahasiswa terhadap Universiti, masyarakat dan negara yang tercinta ini. Pada masa ini Kor SUKSIS UTeM telah mempunyai keanggotaan seramai 197 orang.
6. Saya percaya sepanjang menganggotai Kor SUKSIS, mereka telah menempuhi pelbagai aktiviti dan program, seperti latihan



kawad, persenjataan, kuliah perundangan, perkhemahan perdana, dan lain-lain lagi. Pastinya, semua aktiviti yang dilaksanakan ini begitu mencabar, namun mempunyai objektif dan nilai keseronokannya yang tersendiri.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

7. Sebagai sebuah Universiti, UTeM senantiasa memberi penekanan terhadap pembentukan modal insan yang seimbang dan holistik. Ia bagi memastikan mereka benar-benar menjadi insan bermentaliti kelas pertama dengan memiliki ciri-ciri progresif, mengutamakan nilai etika dan bermoral tinggi.
8. Saya percaya, segala program dan aktiviti yang telah disusun rapi, semestinya memberikan banyak manfaat kepada mahasiswa dan mahasiswi, sejajar dengan hasrat UTeM

sendiri bagi melahirkan insan yang lebih berdisiplin, memiliki nilai patriotisme yang tinggi, dan bertanggungjawab dalam memikul segala amanah yang diberikan.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

9. Pada masa kini, profesion Polis dan badan-badan beruniform yang seangkatan dengannya, merupakan satu tugas yang semakin mencabar sejajar dengan perkembangan dunia yang semakin kompleks. Jenayah yang berlaku hari ini semakin terbuka serta rumit kerana ia melibatkan kepakaran dalam bidang sains dan teknologi, khususnya dalam keperluan menganalisa klasifikasi kes jenayah, mengenalpasti eviden dan sebagainya.

10. Alhamduillah, berkat ilmu pelajaran di UTeM beserta pengalaman hasil penglibatan aktif dalam badan beruniform ini, seramai 52 alumni Kor SUKISIS UTeM telah menyertai PDRM, dua orang menyertai KASTAM manakala seorang telah menyertai ATM.

11. Dalam memperkasakan lagi bilangan penyertaan dalam badan beruniform ini, pihak UTeM akan terus komited untuk

menambah bilangan keanggotaan mahasiswa dalam Kos SUKISIS UTeM pada masa hadapan, bagi memastikan keperluan keanggotaan badan beruniform yang diperlukan oleh Negara, dapat dipenuhi, selain demi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara yang berpanjangan.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

12. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak PDRM kerana terus memberikan kepercayaan kepada UTeM dalam mengendalikan Kor SUKSIS. Di atas kepercayaan yang diberikan ini, kami berjanji akan menjadikan Kor SUKSIS UTeM sebagai badan beruniform yang terbaik dan cemerlang di kalangan Universiti Awam yang ada. Insya Allah.

Ukiran indah menjadi hiasan,  
Menambah seri cahaya pelita,  
Berjuang Kor SUKSI dengan keihlasan,  
Demi rakyat dan negara tercinta.



Terbang kumbang mencari makan,  
Hinggap seketika di pohon ara,  
Jasa PDRM tak pernah dilupakan,  
Sentiasa berkorban demi negara.

13. Dengan ini, saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik  
Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh